

13/11/1998

AS hantar 1,500 delegasi

SEPADAN dengan tarafnya sebagai ekonomi terbesar dalam Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), Amerika Syarikat juga membuat penampilan besar pada mesyuarat Apec Kuala Lumpur, dengan menghantar perwakilan dan bilangan wartawan terbesar.

Daripada anggaran keseluruhan 8,000 delegasi dari 21 ekonomi anggota Apec, Amerika Syarikat menghantar 1,500 delegasi serta 150 wartawan. Keadaan itu membolehkan mereka terpaksa menempatkan perwakilan dan wartawan di empat hotel terkemuka di Kuala Lumpur iaitu Renaissance, New World, Radisson dan JW Marriot.

Persidangan Apec bermula dengan mesyuarat peringkat pegawai kanan di Hotel Palace of the Golden Horses di Kuala Lumpur, semalam. Manakala di Festival Perdagangan Antarabangsa Apec 98 di Pusat Pameran Antarabangsa Mines 350 peserta pameran daripada 21 anggota Apec bertungkus-lumus menyiapkan gerai mereka untuk pelancaran festival itu hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan merasmikan festival yang akan membuka ruang kepada ekonomi dan sektor swasta negara anggota mengukuhkan hubungan dagang sesama sendiri.

Peserta pameran sudah mula membawa produk dan menghias gerai mereka sejak 10 November, tetapi persiapan pada saat akhir nampaknya lebih menjadi pilihan kerana tiada satupun daripada gerai siap sepenuhnya semalam.

Dijangka menjadi bahan pameran paling hangat adalah Satria dan Perdana baru yang dilancarkan Perdana Menteri, semalam. Perwakilan dan ahli perniagaan negara anggota begitu ramai yang mengerumuni gerai Kumpulan DRB-Hicom dan menyelak helaian plastik yang membungkus kereta berkenaan.

Pengarah Komunikasi Kumpulan DRB-Hicom, V Kenesan, ketika ditemui berkata kumpulan itu akan mencuba sebaik mungkin untuk mengadakan perbincangan 'jodoh perniagaan' dengan semua anggota ekonomi Apec termasuk ahli baru iaitu Peru, Russia dan Vietnam.

"Kami akan berusaha untuk mengukuhkan hubungan dengan sektor swasta dan kerajaan ekonomi anggota Apec bagi membolehkan produk kami dieksport ke lebih banyak negara anggota, meskipun kebanyakan daripada produk berkenaan sudah dieksport ke beberapa negara anggota," katanya ketika ditemui di gerai Kumpulan DRB-Hicom.

"Melalui DRB-Hicom Export Corporation, kami mensasarkan untuk mengeksport dua produk utama iaitu trak Hicom dan motosikal Modenas," katanya sambil menjelaskan kumpulan itu turut mempamerkan teknologi prototaip dan kenderaan pertahanan, juga untuk eksport.

Meskipun persidangan tidak rasmi pegawai kanan ekonomi anggota Apec sudah bermula, masih ramai wartawan dan krew media yang baru datang dan menghadapi masalah membuat pendaftaran dan mendapatkan senarai kenyataan akhbar kerana mereka dikehendaki mengesahkan mereka benar-benar wartawan.

Difahamkan ini berpunca daripada beg dan peralatan, khusus untuk wartawan berkurangan kerana kegiatan pemalsuan dokumen sebagai wartawan daripada bukan wartawan untuk mendapatkan 'beg Apec'.

Sementara kebanyakan wartawan asing dan tempatan bersusah payah menyelesaikan masalah mereka itu, Suruhanjaya Promosi Ekport Peru (Prompex) juga begitu bersemangat menyusun dan memperkenalkan produk dari negara mereka. Peru baru menjadi anggota Apec tahun ini.

Perunding Antarabangsa Prompex, Patricia Jordan Campos, berkata Peru berharap melalui festival perdagangan itu, negara itu dapat meningkatkan

lagi eksportnya dengan ekonomi anggota Apec.

"Peru mempunyai pelbagai produk untuk dipasarkan di kalangan negara anggota terutama bahan makanan dan pelancongan," katanya.

(END)